

# Ireka lancar 4 projek hartanah

KUALA LUMPUR 26 Sept.

- Ireka Corp. Bhd. akan melancarkan empat projek pembangunan hartanah dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM1.9 bilion dalam tempoh lima tahun akan datang.

## Pengarah

Eksekutifnya, Lai Voon Hon berkata, syarikat itu akan melancarkan dua daripada projek itu pada suku keempat tahun ini.

Beliau berkata Ireka mahu mempelajari sektor kediaman dan komersialnya dalam pasaran pertengahan selain bangunan industri moden.

“Kami teruja dengan dua pelancaran yang dirancang dalam tempoh suku keempat tahun ini yang meliputi projek hotel butik dan kediaman servis di kawasan pusat bandar raya Kuala Lumpur dan pembangunan perumahan bertema kehidupan dalam taman di Nilai, ‘Kasia Greens’,” katanya pada taklimat media selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di sini hari ini.

- BERNAMA